

Keberkesanan Strategi Perikatan Nasional dalam Pilihan Raya Umum ke-15 di Semenanjung Malaysia: Penonjolan Golongan Islamis

The Effectiveness of Perikatan Nasional's strategy in the 15th General Election of Peninsular Malaysia: The Prominence of Islamists

ADIBAH YASMIN ALIAS, JAMAIE HAJI HAMIL *

*Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia*

Corresponding author: jamaie@ukm.edu.my

Received: 20 May 2023

Accepted: 30 November 2023

Abstrak

Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15) yang lalu menyaksikan buat pertama kalinya parlimen tergantung dan berlakunya satu gelombang penolakan besar-besaran kepada Barisan Nasional dan peningkatan yang memberangsangkan kepada Perikatan Nasional khususnya PAS. Manakala kerusi parlimen Pakatan Harapan pula berlaku sedikit pengurangan berbanding PRU-14 yang lalu. Justeru, penulisan artikel ini bertujuan untuk menganalisis penonjolan Islamis di dalam PRU-15 memandangkan berlakunya peningkatan kerusi Parlimen PAS yang begitu ketara sekali. Artikel ini juga turut memfokuskan keberkesanan strategi Perikatan Nasional dalam meraih sokongan undi. Bertunjangkan konsep Islamisme artikel ini turut membahaskan kemunculan Islamis radikal di dalam tempoh kempen PRU-15. Kemudian, konsep identifikasi parti digunakan bagi membincangkan penguasaan tiga buah negeri oleh PN dalam PRN 6 Negeri 2023. Kajian ini juga menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu melalui olahan data keputusan PRU-15 bagi kerusi parlimen dan DUN termasuk PRN 6 Negeri 2023 Semenanjung Malaysia dan kualitatif menerusi sumber sekunder. Kajian ini dianalisis secara deskriptif yang melibatkan adunan data kuantitatif dan kualitatif. Hasil kajian ini menunjukkan setiap gabungan parti politik seperti PH, PN dan BN mempunyai golongan Islamis mereka. Namun, di dalam PRU-15 ini strategi PN lebih berkesan dan diterima oleh kawasan majoriti orang Melayu sehingga memberi keuntungan kepada Islamis PAS-PN untuk memperoleh empat puluh sembilan kerusi parlimen. Antara strategi yang digunakan oleh PN ialah penekanan kepada naratif agama dan kaum, kempen media sosial yang berkesan dan kempen agama dan kaum secara maksima. Kesimpulannya, politik identiti yang bertunjangkan kepada naratif agama dan kaum masih lagi relevan di dalam landskap politik di Malaysia.

Kata kunci: PRU-15; Islamis; Islamisme; Islamis Radikal; Agama dan Kaum

Abstract

The 15th General Election (PRU-15) witnessed, for the first time, a hung parliament, and a significant wave of rejection against the Barisan Nasional, coupled with a remarkable increase in support for the Perikatan Nasional, particularly PAS. In contrast, the parliamentary seats for the Pakatan Harapan saw a slight reduction compared to the previous 14th General Election (PRU-14). Therefore, the purpose of this article is to analyze the prominence of Islamists in PRU-15, considering the notable increase in PAS parliamentary seats. The article also focuses on the effectiveness of Perikatan

Nasional's strategies in garnering electoral support. Grounded in the concept of Islamism, the article discusses the emergence of radical Islamists during the PRU-15 campaign period. The concept of party identification is used to discuss the control of three states by Perikatan Nasional in the 2023 State Elections. This study also utilizes a quantitative approach, namely through the analysis of data from the 15th General Election (PRU-15) results for parliamentary and State Legislative Assembly seats, including the 2023 State Elections (PRN 6) in Peninsular Malaysia. Additionally, qualitative methods are employed through secondary sources. The analysis is descriptive, involving a combination of quantitative and qualitative data sets. The study's findings indicate that each political coalition, such as PH, PN, and BN, has its Islamic factions. However, in PRU-15, the PN strategy proved more effective and was accepted in areas with a majority of Malay voters, giving an advantage to the PAS-PN Islamic alliance, securing forty-nine parliamentary seats. Among the strategies employed by PN were an emphasis on religious and ethnic narratives, effective social media campaigns, and maximal engagement in religious and ethnic campaigns. In conclusion, identity politics anchored in religious and ethnic narratives remains relevant in the Malaysian political landscape.

Keywords: Ge-15; Islamists; Islamism; Radical Islamists; Race and Religious

Pengenalan

Pilihan Raya Umum (PRU) ke-15, 2022 merupakan PRU yang luar biasa sengitnya kerana bukan sahaja melibatkan pertandingan gabungan besar parti politik 3 penjurua antara PH, BN dan PN malah keputusan rasminya juga mengakibatkan parlimen tergantung selama 5 hari sebelum Anwar Ibrahim berjaya dinobatkan sebagai Perdana Menteri. PRU-15 ini juga menunjukkan tiada mana-mana parti politik gabungan yang menang dan kalah secara *absolut* seperti mana yang diungkapkan oleh YDPA Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah bahawa 'yang menang tidak menang semua yang kalah tidak kalah semua'. Peningkatan pengundi yang agak ketara sehingga mencecah 20,905,366 ini juga disebabkan oleh pengundi 18 tahun yang didaftarkan secara automatik. Disebabkan hal ini juga, gabungan parti politik terutamanya Barisan Nasional, Pakatan Harapan dan Perikatan Nasional menggunakan pelbagai strategi dan seni politik dalam meraih undi mereka. Hasil PRU-15 menunjukkan bahawa berlaku gelombang hijau terutamanya di kawasan majoriti penduduk Melayu Islam dan manakala Pantai Barat pula dikuasai oleh Pakatan Harapan. Barisan Nasional pula menduduki tempat tercorot dalam meraih undi secara keseluruhannya. Keputusan pilihan raya ini juga menggambarkan pemisahan pengundian mengikut warna iaitu merah yang mewakili PH menguasai kerusi di kawasan semenanjung Pantai Barat dan Selatan manakala Biru mewakili BN dan PN mewakili hijau yang menguasai kerusi di bahagian *Malay Heartland* iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang, Kedah dan Perlis. Selain itu juga keputusan PRU-15 juga menggambarkan kerelevanan politik identiti dalam naratif agama dan kaum yang dibawa oleh PN. Justeru, artikel ini akan memfokuskan kepada keberkesanan strategi PN dalam meraih sokongan undi serta tertumpu kepada kemunculan Islamis radikal pada PRU-15 yang lalu Kemudian, penganalisisan keputusan PRU-15 juga terhad dari aspek Islamis di kawasan Semenanjung Malaysia yang mewakili kerusi Parlimen sahaja.

Metodologi Kajian

Metodologi kajian ini berdasarkan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Kaedah kuantitatif melalui olahan data keputusan PRU-15 di kawasan Semenanjung Malaysia dari segi jumlah kerusi parlimen yang dimenangi. Penelitian terhadap data keputusan PRU-15 dari segi jumlah kerusi yang dimenangi

penting bagi melihat data keputusan undi secara lebih terperinci dan tepat berdasarkan angka bernombor bagi membuat justifikasi atau alasan sebab musabab keputusan berdasarkan angka bersifat sedemikian. Data sekunder pula diperolehi melalui kajian lepas dan data-data daripada sumber kedua iaitu buku, jurnal artikel dan akhbar supaya mendapat gambaran berkaitan dengan penyelidikan sesuatu kajian. Di samping itu, pengkaji juga mendapatkan maklumat dari media elektronik seperti melayari laman sesawang internet, media sosial (*Facebook, Twitter, TikTok*). Bagi penganalisan data pula, ia melibatkan adunan data kuantitatif iaitu data keputusan PRU-15 serta analisis maklumat sekunder dilakukan bagi bahan-bahan bercetak dan atas talian (internet).

Konsep Islamisme dan Identifikasi Parti

Islamisme merupakan satu kefahaman tentang agama Islam dalam bentuk tatanan sebuah negara iaitu negara Islam. Islamisme juga dilihat sebagai fenomena global yang berkuasa dalam sebuah fundamentalisme agama. Dalam kes Islamisme, “politik beragama” ini bermaksud promosi terhadap tatanan politik yang dipercayai suruhan daripada Allah dan bukan berkiblatkan kedaulatan rakyat.¹ Menurut Piscatori², penganjur dan pengikut Islamisme disebut sebagai Islamis iaitu Muslim yang memberikan komitmen terhadap aksi politik untuk menerapkan sebuah agenda Islam. Terdapat beberapa ciri ideologi Islamisme yang golongan Islamis perjuangkan secara global iaitu pertama melalui politik. Politik Islamisme menggunakan konsep *din wa dawla* yang menuntut pentafsiran Islam sebagai agama politik yang menetapkan pemerintahan yang berpaksikan tuhan berbanding manusia untuk sesebuah negara. Kedua, berdasarkan undang-undang iaitu sebuah konsep syariah yang meliputi undang-undang negara yang menyeluruh tetapi tidak bersifat klasik. Ketiga secara budaya dengan membuat satu tanggapan bahawa semua orang Islam akan membentuk satu ummah monolitik berdasarkan ideologi Islam. Keempat adalah melalui ketenteraan di mana Islamisme menggunakan konsep jihad tradisional Islam dalam pentafsiran semula dan penciptaan tradisi yang melangkaui quran asal dan makna tradisional. Jihad baru adalah jihad yang menghalalkan peperangan tanpa peraturan dan keganasan dalam ideologi ini merupakan perang jenis baru yang tidak teratur.³

Dalam Islamisme ataupun Islam politik telah tertanam satu visi tentang perubahan sistem yang melibatkan politik, ekonomi, sosial dan budaya yang berlaku sama ada secara berperingkat mahupun radikal. Dalam soal radikal, radikalisme Islam didefinisikan sebagai cabang daripada Islamisme yang mempunyai keinginan untuk melakukan perubahan radikal dalam sistem politik ataupun masyarakat dan jika perlu dengan jalan kekerasan. Radikalisme Islam mempunyai orientasi radikal sekurang-kurangnya dalam dua perkara iaitu politik dan kaedah. Selain itu, radikalisme juga terletak dalam kecenderungan mengupayakan perubahan radikal terhadap sistem yang ada dengan cara kekerasan. Radikalisme juga merangkumi pemikiran, gagasan, aksi, gerakan dan tidak eksklusif hanya untuk Islam bahkan ia juga turut merangkumi agama lain. Namun, radikalisme yang bertunjangkan semangat mengubah sistem yang ada dengan sistem yang baru berasaskan syariah disebut sebagai radikalisme Islam.⁴ Oleh itu, konsep Islamisme dijadikan landasan dalam melihat kemunculan aksi radikal golongan Islamis pada PRU-15 yang lalu.

Seterusnya, konsep identifikasi parti merujuk kepada perasaan pertalian jangka panjang yang timbul dalam pengundi terhadap sesebuah parti politik.⁵ Bahkan, identifikasi parti ini dilihat sebagai pengesahan psikologi positif bahawa “perasaan diri merangkumi perasaan identiti peribadi dengan kumpulan sekunder seperti parti politik”.⁶ Selain itu, identifikasi parti turut menghubungkan ego seseorang individu dengan sesebuah institusi politik di mana ia mencipta “sikap politik yang paling stabil”.⁷ Konsep ini dijadikan landasan dalam melihat kesinambungan penguasaan PN terhadap tiga buah negeri dalam PRN 6 Negeri 2023.

Perkembangan Politik Muslim di Malaysia

Politik Muslim telah menunjukkan satu perkembangan dan transisi yang signifikan sejak 1970-an sehingga kini. Perkembangan ini boleh dibahagikan kepada tiga fasa iaitu fasa radikal, fasa pendemokrasian melalui pilihan raya dan fasa pertemuan Islamis dengan pluralisme demokrasi dan kepelbagaian agama. Sejak berlakunya kebangkitan Islam sekitar tahun 1970-an dan 1980-an yang melanda dunia termasuk Malaysia, politik Muslim telah menunjukkan persaingan politik antara kumpulan elit memerintah dan gerakan politik Islam atau Islamis.⁸

Dalam konteks Malaysia, fasa aksi radikal boleh dilihat seawal dekad 1960-an apabila pendekatan takfir telah digunakan sebagai satu cara untuk mengalahkan lawannya dalam persaingan politik kepartian. Dalam sejarah perkembangan politik Melayu, ahli-ahli agama atau ulama PAS pernah menggunakan pendekatan takfir berhadapan dengan Parti Perikatan (kemudiannya UMNO) disebabkan isu pelantikan orang kafir sebagai pemimpin umat Islam, pemisahan agama dan politik, ayat-ayat al-Quran yang menyentuh kekaifan, perlembagaan *taghut* dan sebagainya.⁹ Walau bagaimanapun, kemelut kafir-mengkafir reda seketika terutamanya apabila PAS berjaya mengekalkan kuasanya di Kelantan dari tahun 1964-1969. Isu ini menjadi semakin reda dan hampir tidak kedengaran apabila PAS menyertai Barisan Nasional (1974-1977).¹⁰

Walaupun bagaimanapun, isu kafir-mengkafir yang mewarnai wacana dalam persaingan parti politik Melayu Islam muncul kembali selepas PAS disingkirkan daripada Barisan Nasional pada Disember 1977 terutamanya menjelang Pilihan Raya Umum 1978. Antaranya, isu PAS menuduh kerajaan Malaysia memisahkan agama dengan politik dan terkeluar dari landasan Islam yang bermula pada kempen Pilihan Raya Umum 1978. Seterusnya, pada Pilihan Raya Kecil DUN kawasan Kuala Besut, Terengganu tahun 1979 PAS sekali lagi melancarkan kempen mengkafirkan UMNO. Fatwa yang dikeluarkan oleh PAS ketika kempen tersebut adalah sembahyang berimamkan UMNO tidak sah, sembelihan mereka haram di makan dan akad nikah yang dilakukan oleh jurunikah kerajaan adalah tidak sah, kalau bersetubuh hukumnya zina dan jika mendapat anak maka anak tersebut haram. Lantaran itu, isu kafir mengkafir ini telah menyaksikan jurang antara UMNO dan PAS semakin melebar.¹¹

Seterusnya, dekad 1980-an PAS masih dikuasai dan dipengaruhi aliran radikal selain menyaksikan munculnya pelbagai kumpulan ekstremis, daripada yang bersifat penyelewengan doktrin hinggalah kepada kumpulan militan yang mahu menumbangkan kerajaan secara kekerasan. Dari sudut politik, kumpulan ini tidaklah signifikan, tetapi pemimpin-pemimpin UMNO mengaitkan mereka dengan PAS (sering memetik Amanat Hadi) supaya mengambil tindakan terhadap parti itu kerana menghasut amalan militan. Walaupun bagaimanapun, PAS menafikan hubungan dengan kumpulan ini dan dalam kes al-Arqam, PAS malah menyokong tindakan kerajaan ke atas kumpulan tersebut pada tahun 1994.¹² Kemudian, pada Pilihan Raya 1986 menandai kemuncak pengaruh aliran radikal yang ditambah lagi dengan kemerosotan prestasi parti tersebut. Bahkan, pengaruh aliran radikal dalam PAS dilihat reda apabila Ustaz Fadzil Noor yang merupakan pemimpin moderat mengambil alih pucuk pimpinan PAS.¹³

Walaupun bagaimanapun, radikalisme puritan PAS dekad 1980-an ini gagal untuk menggembeleng imaginasi masyarakat Melayu. Hal ini disebabkan oleh keberkesanan pendekatan UMNO yang pragmatis, terutamanya melalui dasar Islamisasi progresif yang akhirnya meningkatkan lagi sokongan popular terhadapnya.¹⁴ Strategi UMNO juga dilihat berkesan dengan kemasukan Anwar ke dalam parti itu di mana Anwar dilihat mempunyai autoriti sebagai simbol Islamis dan ia mengukuhkan lagi komitmen parti itu terhadap Islam.¹⁵ Dasar Islamisasi kerajaan UMNO BN ini bukanlah satu arah baharu yang radikal di mana matlamat untuk membentuk sebuah negara Islam atau melaksanakan

keseluruhan undang-undang syariah klasik. Namun, dasar itu merupakan sebuah ekspresi yang paling bersungguh tentang proses asimilasi yang pernah dilontarkan oleh UMNO.¹⁶ Selain itu, strategi UMNO dalam membawa Anwar masuk ke dalam parti itu juga berjaya melemahkan dan memecahkan kekuatan dan kesatuan gerakan Islam yang ketika berada di tahap momentum yang tinggi.¹⁷ Oleh itu, dalam dekad 1980-an ini ia menggambarkan persaingan antara golongan elit muslim yang berkuasa dan aktivis Islamis yang mempertikaikan kewibawaan kuasa elit tersebut.¹⁸

Seterusnya, dekad 90-an merupakan fasa pendemokrasian melalui pilihan raya di mana dalam fasa ini menggambarkan kewujudan keserasian dalam demokrasi dan Islam.¹⁹ Bahkan, dekad ini juga meraikan wacana politik baharu yang meraikan tema universal seperti demokrasi, keadilan, kebebasan, pemerintahan yang baik berbanding soal penubuhan negara Islam dan pelaksanaan undang-undang Islam.²⁰ Dalam landskap politik Malaysia, dekad ini telah menyaksikan sebuah krisis politik berlaku apabila Anwar Ibrahim dipecat daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1998 sehingga wujudnya satu gerakan massa yang dikenali sebagai gerakan reformasi. Menariknya, pemecatan ini menjadikan Islamis daripada ABIM, JIM dan PAS bersatu dalam menunjukkan solidariti kepada Anwar Ibrahim serta menuntut keadilan, reformasi sosioekonomi dan politik.²¹ Dalam dekad ini juga menyaksikan golongan Islamis daripada ABIM dan JIM menubuhkan sebuah parti pelbagai kaum yang kini dikenali sebagai Parti KeADILan Rakyat (KeADILan) sebagai eksperimen untuk terlibat dalam politik kepartian. Penglibatan golongan Islamis daripada ABIM dan JIM ini dalam politik kepartian ini mengukuhkan lagi kewujudan keserasian antara demokrasi dan Islam.²²

Seterusnya, fasa ketiga yang bermula pada tahun 2000 sehingga kini pula membawa politik Muslim kepada fasa pertemuan Islamis dengan pluralisme demokrasi dan kepelbagaian agama. Fasa ini membawa nuansa baharu kepada perjuangan Islamis dalam demokrasi kerana menunjukkan peralihan trend dan pendekatan mereka dalam persaingan politik. Selain itu, fasa ini juga menunjukkan pengukuhan komitmen kumpulan Islamis terhadap demokrasi sebagai satu budaya politik dan bukan melihat demokrasi sebagai pilihan raya semata-mata untuk mendapatkan kuasa politik. Pendekatan Islamis ini juga dilihat sebagai trend pasca-Islamisme dalam menggambarkan senario politik Muslim ketika ini.²³ Dalam fasa ini, PAS juga pernah terpengaruh dengan trend pasca-Islamisme selepas tsunami politik 2008. Buktinya, PAS mengadakan *tahalluf siyasi* dengan KeADILan dan DAP yang membentuk Pakatan Rakyat dan juga mengenengahkan slogan '*PAS for All*' berbanding sebelum ini yang lebih eksklusif hanya untuk Islam dan Melayu. Selain itu, PAS juga bersetuju menggugurkan slogan penubuhan Negara Islam dan lebih mengutamakan hal-hal yang boleh disepakati bersama secara konsensus seperti demokrasi, keadilan dan tatakelola urus tadbir pemerintahan yang baik. Ciri-ciri yang ditonjolkan oleh PAS ini menunjukkan persamaan dengan pendekatan Pasca-Islamisme yang dipopularkan oleh Asef Bayat.²⁴

Oleh yang demikian, perkembangan politik Muslim di Malaysia ini jelas menunjukkan peralihan wacana dan perubahan pendekatan dalam persaingan politik. Dalam hal ini Islamis turut terkesan dalam arus perubahan ini dan pendekatan serta perubahan strategi dibuat agar kekal relevan dan mendapat sokongan rakyat.

Kronologi Peristiwa Pasca PRU-14

PRU-14 merupakan satu peristiwa bersejarah apabila buat pertama kalinya Pakatan Harapan berjaya menewaskan Barisan Nasional yang memegang kuasa selama 63 tahun. Kemenangan PH tahun 2018 menurut Imlan²⁵ juga disebabkan oleh naratif yang dibawa terutamanya dalam isu cukai GST, skandal 1 MDB, masalah kewangan Felda, peningkatan kos sara hidup, peluang kerja yang terhad dan kebebasan bersuara. Walau bagaimanapun euforia seperti mana yang disebut oleh Muhammad Shahrul & Muhamad Nadzri²⁶ yang melanda rakyat pasca PRU-14 mulai hilang apabila PH dilihat

gagal menangkis naratif politik Melayu-Islam secara efektif dalam pemerintahannya.

Selain itu, terdapat beberapa faktor kegagalan Pakatan Harapan dalam mentadbir sehingga hanya mampu bertahan selama 22 bulan sahaja. Menurut Case²⁷, keruntuhan kerajaan Pakatan Harapan adalah disebabkan kegagalan PH untuk mendapatkan perpaduan dalam kalangan elit politik. Manakala Chin²⁸ pula mengaitkan keruntuhan kerajaan PH dengan ideologi politik Ketuanan Melayu Islam yang semakin menonjol ketika itu. Dalam nada yang sama, Ostwald dan Oliver²⁹ juga turut menekankan kepentingan identiti politik terutamanya di semenanjung dan kawasan Pantai Timur dalam menjamin kestabilan politik. Selain itu, Tapsell³⁰ pula mengaitkan keruntuhan PH disebabkan oleh kerangka polisi yang kurang jelas. Faktor lain yang begitu menonjol adalah keaktifan barisan pembangkang yang diketuai oleh UMNO dan PAS serta beberapa masyarakat sivil dalam mempromosikan ketakutan dalam kalangan orang Melayu dengan mengatakan Melayu terancam dan sebagainya. Selain itu, menurut Ufen³¹, terdapat tiga faktor yang menyebabkan kerajaan PH runtuh iaitu pertama keterbasan kewangan dalam melaksanakan reformasi dan sokongan yang semakin berkurang. Kedua, halangan dalam melakukan reformasi oleh golongan birokrat dan pihak pembangkang dan ketiga kemunculan pihak pembangkang yang semakin kuat melalui Muafakat Nasional. Oleh itu, perkembangan politik pasca PRU-14 boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pra-Langkah Sheraton dan pasca Langkah Sheraton. Perkembangan politik dalam garis masa ini begitu penting kerana dari situlah politik identiti Melayu-Islam dikukuhkan dan sentimen itu dibawa sehingga ke PRU-15 oleh elit-elit politik.

Menurut Muhamad Nadzri³² pasca PRU-14 memperlihatkan pentadbiran di bawah Mahathir tidak *linear*, berliku dan penuh kesamaran. Namun, apa yang jelas terdapat dua perkara yang menonjol di bawah pentadbiran Pakatan Harapan. Pertama, sistem dua parti gabungan semakin kukuh dengan kerjasama antara BN dan PAS sejak awal 2019. Kedua, wujudnya perpecahan dalam kalangan masyarakat dengan garis ideologi yang tegar di antara golongan konservatif dan liberal selaras dengan dua paksi utama iaitu PAS dan UMNO mewakili konservatif manakala PH mewakili liberal. Keadaan sebegini wujud disebabkan Mahathir gagal memenuhi janji reformasi³³ malah beliau juga meremehkan manifesto pilihan raya yang dibuat PH dengan mengatakan “manifesto bukan kitab suci”.³⁴ Selain itu, terdapat beberapa isu lagi yang membangkitkan kemarahan orang Melayu bermula dengan lantikan jawatan kritikal negara dalam kalangan orang bukan Melayu seperti Lim Guan Eng sebagai Menteri Kewangan dan Tommy Thomas sebagai Peguam Negara. Seterusnya adalah isu kematian anggota bomba Muhammad Adib, isu meratifikasi ICERD, isu Statut Rom, isu pengiktirafan Sijil Peperiksaan Unified Examination Certificate (UEC), isu ekstradisi pendakwah India, Zakir Naik dan isu pembebasan anggota Liberation Tigers of Tamil Elam (LTTE). Kegagalan PH dalam menangani isu ini digunakan sebaiknya oleh pembawaan politik UMNO-PAS melalui penerimaan baik orang Melayu dan lantas menjurus kepada penubuhan Muafakat Nasional.³⁵

Dalam memahami senario dalam garis masa pra-Langkah Sheraton, Muafakat Nasional digambarkan memainkan peranan konstruktif sehingga terjadinya peristiwa Langkah Sheraton yang membawa kepada keruntuhan kerajaan Pakatan Harapan.³⁶ Hal ini kerana kewujudan gabungan baru gabungan pembangkang antara dua parti konservatif iaitu BN (berasaskan budaya) dan PAS (berasaskan agama) menjuarai isu identiti Melayu dan Islam serta berjaya memainkan peranan penting dalam mencipta keraguan, kegusaran serta politik kebencian khususnya dalam kalangan Melayu Islam terhadap PH. Bukan itu sahaja, PH juga dimomokkan oleh BN dan Pas sebagai kerajaan yang dipimpin DAP, liberal dan anti-Islam. Malah, dasar rentas kaum PH dipolitikkan sebagai anti-Melayu, anti-tradisi dan pro-bukan Melayu. Selain itu, mana-mana keputusan kerajaan untuk membina masyarakat inklusif dihambat dengan permainan politik identiti pemimpin BN dan PAS. Situasi ini menimbulkan kesukaran PH untuk melaksanakan perubahan ekonomi yang fundamental dan kegagalan PH menangkis naratif BN dan PAS ini membuatkan politik identiti mudah mendapat

tempat dalam kalangan golongan yang tidak berpuas hati dengan prestasi PH.³⁷

Klimaks kejayaan kerjasama antara UMNO dan PAS seterusnya diukur dengan kemenangan dalam PRK di Cameron Highlands, PRK DUN Semenyih dan PRK DUN Rantau yang disifatkan sebagai *counter* kepada aspek pendominasian DAP dari kaca mata pejuang-pejuang ultrakonservatisme. Hasil dari kerjasama ini akhirnya tertubuhnya Muafakat Nasional di Himpunan Penyatuan Ummah pada 14 September 2019. Muafakat Nasional dianggap sebagai *King Maker* dan ia membuka lorong kepada penganjuran Kongres Maruah Melayu yang diadakan pada Oktober 2019. Pengukuhan naratif politik Melayu-Islam melalui Kongres Maruah Melayu ini menjadi simbolik retorik “penyatuan” parti politik Melayu melalui perkongsian pentas Muafakat Nasional (UMNO dan PAS) dengan BERSATU. Kewujudan Muafakat Nasional ini sebenarnya memberi peluang kepada UMNO khususnya untuk memulihkan imej dan reputasinya di samping kegagalan Pakatan Harapan menangkis naratif Melayu-Islam yang semakin berleluasa. Tambahan pula, imej UMNO juga semakin meningkat apabila mengadakan kerjasama dengan PAS.³⁸

Naratif politik Melayu Islam yang dilaungkan dengan kuat oleh Muafakat Nasional menghiasi aksi politik Pra Sheraton di mana wujudnya spekulasi mengenai kerajaan pintu belakang. Dari sisi lain, Kongres Maruah Melayu (KMM) ini seakan mengesahkan persaingan kuasa antara Mahathir dan Anwar di mana kongres ini menampilkan watak-watak yang mendukung Mahathir seperti Azmin Ali, Abdul Hadi Awang, Annuar Musa yang berkongsi pentas yang sama dengan mengangkat tangan sebagai simbol penyatuan. Langkah Mahathir ini juga dilihat sebagai memasang ‘talian hayat’ bersama Muafakat Nasional dalam mengekang Anwar dan DAP daripada berterusan mendesak pengundurannya. Ia sebagai mesej daripada Mahathir bahawa Muafakat Nasional bila-bila masa sahaja bersedia untuk menyokong Mahathir berbanding Anwar. Rundingan mengenai kerajaan ‘pintu belakang’ ini juga disahkan sendiri oleh Anwar seawal 15 Oktober 2019 di mana beliau mendakwa wujudnya rundingan belakang tabir oleh Hishamuddin ketika berlangsungnya sidang parlimen.³⁹

Pasca Kongres Maruah Melayu ini membawa kepada Langkah Sheraton yang merujuk kepada 11 anggota parlimen meninggalkan KEADILAN untuk bergabung dengan BERSATU, BN, PAS, GPS dan WARISAN di Sheraton Hotel dalam usaha mengambil alih Putrajaya daripada PH dengan menggunakan nama Perikatan Nasional. Langkah itu juga merupakan usaha penjajaran kuasa politik. Seterusnya, Mahathir pula membuat kejutan dengan meletakkan jawatan kerana tidak mahu bekerjasama dengan UMNO. Beliau juga berhasrat untuk menubuhkan kerajaan yang tidak berpihak kepada mana-mana parti. Kenyataan Mahathir ini tidak dipersetujui oleh UMNO dan PAS lantas menarik balik sokongan terhadap Mahathir sebagai calon Perdana Menteri. Malah UMNO dan PAS meminta YDP Agong untuk membubarkan parlimen.⁴⁰ Penarikan sokongan UMNO dan PAS terhadap Mahathir juga disebabkan penolakan Muafakat Nasional (UMNO dan PAS) terhadap DAP. Dalam meleraikan kekusutan ini tiba-tiba Mahiaddin muncul dan kesudahannya mendapat persetujuan daripada 57 orang ahli Parlimen UMNO dan PAS untuk berkongsi kuasa bersama BERSATU di bawah pakatan Perikatan Nasional.⁴¹

Pasca Langkah Sheraton memperlihatkan dua perkara yang menonjol iaitu pertama perkongsian kuasa antara BERSATU, UMNO dan PAS menjadikan sentimen agama dan perkauman kian reda dan sunyi. Kedua, pergolakan kuasa antara UMNO dan PAS-BERSATU berpanjangan dan tiada kesudahan. Dari sudut positifnya, kegusaran orang Melayu tentang momokan DAP berkuasa telah berkurangan, namun perbalahan kuasa elit politik membuatkan negara ini berhadapan dengan ketidakstabilan politik yang merugikan ekonomi terutamanya dari sudut keyakinan pelabur asing. Setelah jatuhnya kerajaan Pakatan Harapan, Mahiaddin Yassin tampil mengetuai kerajaan Perikatan Nasional yang ditubuhkan sewaktu pandemik Covid-19 walaupun jumlah majoriti diragui sejak awal. Pergolakan politik dilihat bermula seawal pelantikan Menteri Kabinet di mana lantikan yang dibuat hanya didominasi oleh BERSATU. Hal ini menimbulkan ketidakpuasan hati dalam kalangan

pemimpin UMNO kerana merasa diketepikan daripada mengisi kementerian penting sedangkan UMNO merupakan parti yang dominan dalam PN.⁴²

Tambahan pula, BERSATU diberi tanggungjawab yang lebih untuk memegang portfolio kementerian kritikal, berbanding UMNO yang merupakan parti komponen terbesar dalam PN tetapi hanya diberi tanggungjawab “picisan” dengan hanya satu sahaja Menteri Kanan yang diberikan.⁴³ Situasi ini membuatkan Muafakat Nasional yang dibentuk oleh UMNO dan PAS bagi menghadapi PRU-15 bagaikan hilang arah⁴⁴ dan ditambah lagi dengan kewujudan gabungan baru Perikatan Nasional menampakkan lagi kecelaruan dalam landskap politik ketika itu. Kemudian, blok Pakatan Harapan pula menunjukkan kedudukan yang goyah pasca tragedi Langkah Sheraton apabila satu persatu ahli parlimen Pakatan Harapan melompat keluar meninggalkan PH dengan menubuhkan parti baru seperti PEJUANG, Malaysian *United Democratic Association* (MUDA) dan Parti Bangsa Malaysia (PBM). Selain itu, pemimpin PH juga tidak sepakat dan saling berbalah dalam pelbagai perkara serta tidak mengambil tanggungjawab di sebalik kegagalan PH untuk kekal sepenggal sehingga Julai 2023. Kedudukan PH yang goyah selepas Langkah Sheraton ditambah lagi dengan kegagalan parti-parti PH untuk memenangi PRN Sabah pada September 2020 dengan kerjasama Warisan Sabah.⁴⁵ Tahun 2020 ini juga diwarnai dengan usaha PH yang diketuai Anwar untuk merampas kembali ‘mandat rakyat’ disebabkan jumlah majoriti Mahiaddin yang diragui sejak awal.⁴⁶

Kemudian, tahun 2021 sekali lagi dikejutkan dengan pembubaran kerajaan apabila 15 orang ahli parlimen UMNO menarik sokongan menjadikan Mahiaddin hilang majoriti.⁴⁷ Setelah Mahiaddin meletak jawatan sebagai Perdana Menteri kerajaan PN, beliau digantikan oleh Ismail Sabri Yaakob di mana UMNO, BERSATU dan PAS di blok kerajaan tetapi dalam masa yang sama UMNO dan BERSATU masih lagi bersengketa. Disebabkan ketidaktentuan yang menyelubungi blok kerajaan, Ismail Sabri telah memeterai persefahaman dengan Pakatan Harapan melalui *memorandum of understanding* (MOU) yang menyaksikan persetujuan di antara pihak kerajaan dengan blok pembangkang terbesar di Dewan Rakyat.⁴⁸ Walau bagaimanapun, pentadbiran Ismail Sabri tidak lama apabila pembubaran parlimen diumumkan pada 10 Oktober 2022 untuk memberi laluan kepada PRU-15 pada 19 November 2022. PRU-15 menyaksikan pertandingan pelbagai penjuror dengan tiga blok utama sebagai pesaing iaitu Barisan Nasional (BN), Pakatan Harapan (PH) dan Perikatan Nasional (PN). Barisan Nasional mengakhiri pertelingkahan dengan bertanding secara solo tanpa terlibat dengan BERSATU mahupun PAS.

Penelitian Awal dalam Pilihan Raya Umum ke-15

Bridget Welsh⁴⁹ dalam membuat analisis awal PRU-15 mengaitkan pola pengundian adalah berasaskan pembedahan kaum. Welsh yang menumpukan analisis beliau di Semenanjung sahaja menyatakan PH dan BN mewakili defisit dalam mewakili seluruh kaum. Pengundian berasaskan politik identiti iaitu Melayu-Islam inilah yang membuatkan Perikatan Nasional memperoleh 74 kerusi parlimen yang majoritinya pengundi Melayu Islam. Walau bagaimanapun PN gagal meraih undi bukan Melayu. Manakala PH pula walaupun berjaya meraih kerusi yang paling tinggi iaitu sebanyak 82 kerusi namun dari sudut perbandingan prestasi sokongan undi Melayu menunjukkan penurunan daripada 25 peratus pada PRU-14 kepada 11 peratus pada PRU-15. Manakala Barisan Nasional pula kehilangan 10 peratus sokongan Melayu iaitu daripada 43 peratus pada PRU-14 kepada 33 peratus pada PRU-15. Keputusan ini akhirnya diterjemahkan dengan Barisan Nasional kehilangan banyak kerusi tradisi mereka terutamanya kawasan Melayu. Oleh itu, dapatan awal ini menunjukkan dua corak penting iaitu pertama, polarisasi kaum dalam pengundian yang melibatkan PH dan PN. Kedua, pelebaran pencapaian BN yang merentasi kaum di Semenanjung.

Menurut Ruhan Shahrir,⁵⁰ keputusan PRU-15 yang lalu menunjukkan PH masih gagal merebut sokongan Melayu Islam. Malah majoriti pengundi Melayu mengalihkan sokongan mereka daripada UMNO/BN kepada PN yang merupakan gabungan antara PAS, Bersatu dan Gerakan. Perikatan Nasional berjaya meraih 73 kerusi di mana PAS mendominasi 43 kerusi dan Bersatu pula 30 kerusi. Manakala Gerakan pula gagal mendapat sebarang kerusi. PRU-15 ini juga menunjukkan prestasi PAS yang cemerlang berbanding PRU-14 yang lalu di mana hanya memperoleh 18 kerusi. Keputusan ini juga diterjemahkan dengan PAS menguasai empat buah negeri yang terdiri daripada Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu. Daripada keempat-empat buah negeri ini hanya satu kerusi parlimen di Kedah sahaja ditinggalkan untuk PH. Selebihnya dibolot oleh PAS-PN. Ruhan juga menggambarkan fenomena ini sebagai “tsunami hijau” disebabkan peningkatan kerusi PAS yang begitu drastik sekali. Fenomena yang dikatakan sebagai “tsunami hijau” ini walau bagaimanapun tidak sampai ke Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di mana PN gagal memenangi sebarang kerusi. “Tsunami hijau” ini juga lebih memberi impak kepada geografi pengundi Melayu yang dominan. Manakala bagi demografi pengundi yang lebih majmuk seperti Melaka, Perak dan Pahang keputusannya lebih rencam.

Menurut Hew Wai Weng,⁵¹ kejayaan PN dalam memperoleh 73 kerusi parlimen di mana 43 adalah milik PAS merupakan satu kejutan bagi kebanyakan pemerhati politik. Hal ini sekaligus menjadikan PAS pemenang besar dalam PRU-15 yang lalu. Terdapat pelbagai faktor dalam menyumbang kepada kejayaan PAS antaranya ialah PN menggabungkan elemen Islamis dan Nasionalis Melayu sebagai kekuatan. Elemen ini merupakan faktor penarik kebanyakan pengundi Melayu. Selain itu, PN juga mempunyai kempen efektif dengan slogan *catchy* seperti “PN, the best” dan motto prihatin, bersih dan stabil. Selain itu, PN juga menggunakan kempen media sosial secara berkesan melalui platform TikTok, Facebook dan WhatsApp. Di platform TikTok, PN menghasilkan dua jenis kandungan dan menyasarkan kepada pelbagai segmen pengundi muda. Matlamat utama adalah untuk mengukuhkan sokongan terhadap Islamis dengan mempengaruhi pemikiran golongan muda dengan mesej kebencian secara langsung atau tidak langsung terhadap kumpulan yang kurang Islamik. Keduanya, menyajikan golongan muda biasa dengan kandungan berunsur hiburan dan mudah. Oleh yang demikian, PAS berjaya menarik sejumlah pengundi Islamis dan Nasionalis Melayu, dan pengundi Melayu biasa yang marah terhadap UMNO tetapi dalam masa yang sama tidak percaya dengan PH “yang dipimpin DAP.”

Sebelum 5 hari PRU-15 dijalankan, Hew Wai Weng⁵² turut memberi pandangan bahawa berlakunya pertentangan golongan Islamis dari pelbagai parti yang disebut sebagai *Islamisation race* (perlumbaan Islamisasi). Kenyataan ini berdasarkan pertembungan antara PAS dan AMANAH dalam meraih sokongan pengundi Islam yang warak. Selain itu, setiap gabungan parti juga mempunyai wakil Islamis. Sebagai contoh, PAS dalam PN dipimpin oleh Mahiaddin Yassin manakala AMANAH dalam PH dipimpin oleh Anwar Ibrahim. Selain itu, Barisan Jemaah Islamiah Se-Malaysia (BERJASA) berada di bawah pakatan GTA yang dipimpin oleh Tun Dr Mahathir. Islamis ini mempunyai matlamat yang sama iaitu menolak UMNO yang korup dalam strategi politik dan kelakuan sosial mereka. Walau bagaimanapun, berbeza dengan BERJASA dan PAS, Islamis dalam PH bersifat moderat kerana sanggup bekerjasama dengan bukan Islam. Manakala Islamis dalam PN lebih konservatif dan khusus untuk “kepemimpinan Melayu Islam” dan Islamis dalam GTA mengambil jalur keras dengan menolak orang bukan Islam dalam pakatan mereka. Secara perbandingannya, UMNO pula tampil dengan elemen Islamis yang paling sedikit sekali. Namun, UMNO tetap mengambil calon yang berlatar belakang Islam seperti Ketua Pemuda UMNO Asyraf Wajdi dan pendakwah Salafi Fathul Bari. Selain daripada parti politik Islam, terdapat juga Gerakan Islam yang aktif berpolitik seperti ABIM, IKRAM dan ISMA yang menunjukkan kecenderungan mereka kepada pakatan politik pilihan mereka. Contohnya, ABIM mempunyai hubungan dengan PKR, IKRAM mempunyai hubungan

dengan AMANAH manakala ISMA pula mempunyai hubungan dengan BERJASA yang merupakan parti serpihan Islam PAS. Persamaan antara ABIM, IKRAM dan ISMA adalah mereka menggunakan pendekatan dakwah dan tarbiah serta dipengaruhi oleh ideologi Ikhwanul Muslimin.

Analisis Pilihan Raya dan Kewujudan Islamis dalam PH, PN dan BN

Keputusan PRU-15 yang diumumkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah menyaksikan Pakatan Harapan memperoleh kerusi yang terbanyak iaitu sebanyak 82 kerusi, diikuti oleh Perikatan Nasional iaitu sebanyak 74 kerusi, Barisan Nasional 30 kerusi, GPS 23 kerusi, GRS 6 kerusi, Warisan 3 kerusi, Bebas 2 kerusi, Parti Bangsa Malaysia 1 kerusi dan MUDA 1 kerusi. Menurut statistik Suruhanjaya Pilihan Raya, peratusan keluar mengundi PRU-15 pada 19 November 2022 adalah 74.70 peratus⁵³ (www.spr.gov.my). Peratusan itu menurun jika dibandingkan dengan PRU-14 yang mencatat keseluruhan 82.32 peratus keluar mengundi. Namun, jumlah pengundi PRU-15 sudah melebihi jumlah pengundi pada PRU-14. Pada PRU-14 empat tahun lalu, jumlah 82.32 peratus yang keluar mengundi adalah bersamaan dengan 12, 299, 514 daripada keseluruhan 14, 940, 624 pengundi. Dalam PRU-15, jumlah pengundi keseluruhan meningkat kepada 21, 173, 638 berikutan pelaksanaan daftar pemilih automatik dan pembabitan pengundi berusia 18 tahun ke atas. Walau bagaimanapun, keputusan PRU-15 yang lalu menunjukkan tiada mana-mana parti yang memperoleh majoriti mudah 112 untuk membentuk kerajaan secara bersendirian. Situasi ini membuatkan parlimen tergantung beberapa hari sehingga akhirnya satu kerajaan perpaduan gabungan dibentuk oleh PH-BN-GPS-GRS-WARISAN-MUDA-PBM dengan Anwar Ibrahim dinobatkan sebagai Perdana Menteri yang ke-10.

Berdasarkan Jadual 1 di bawah, jika diteliti kerusi parlimen yang dimenangi oleh PH, banyak mewakili kawasan Pantai Barat seperti Kuala Lumpur 10 daripada 11 milik PH, Selangor 16 daripada 22 milik PH, Johor 15 daripada 26 milik PH, Melaka 3 daripada 6 milik PH, Pulau Pinang 10 daripada 13 milik PH, Perak 11 daripada 24 milik PH. Perikatan Nasional pula berjaya menakluk kawasan *Malay heartland* iaitu Kedah 14 daripada 15 milik PN, Kelantan, Terengganu dan Perlis pula PN menyapu bersih kesemua 14, 8 dan 3 kerusi, Pahang 7 daripada 14 kerusi milik PN, Perak 10 daripada 24 kerusi milik PN dan Putrajaya yang merupakan kerusi selamat bagi BN juga turut dirampas oleh Perikatan Nasional. Walau bagaimanapun, di Johor, PN hanya berjaya memperoleh 2 kerusi parlimen sahaja. Barisan Nasional yang mempunyai 30 kerusi pula hanya menakluki kawasan seperti Johor sebanyak 9 kerusi, Negeri Sembilan 5 kerusi, Pahang 5 kerusi, Perak 3 kerusi dan Kuala Lumpur 1 kerusi.

Jadual 1: Keputusan Parlimen PRU-15 di Semenanjung Malaysia.

<i>Negeri</i>	<i>Jumlah kerusi Parlimen</i>	<i>PH + MUDA</i>	<i>PN</i>	<i>BN</i>	<i>Bebas dan lain-lain</i>
		<i>Menang</i>	<i>Menang</i>	<i>Menang</i>	<i>Menang</i>
Perlis	3	0	3	0	0
Kedah	15	1	14	0	0
Kelantan	14	0	14	0	0
Terengganu	8	0	8	0	0
P. Pinang	13	10	3	0	0
Perak	24	11	10	3	0
Pahang	14	2	7	5	0
W.P KL	11	10	0	1	0

Keberkesanan Strategi Perikatan Nasional dalam Pilihan Raya Umum ke-15

Selangor	22	16	6	0	0
N. Sembilan	8	3	0	5	0
Melaka	6	3	3	0	0
Johor	26	15	2	9	0


Sumber: Olahan data daripada Astro Awani dan MyUndi.com.

Jadual 2: Keputusan Pilihan Raya bagi Peringkat DUN PRU-15 DAN PRN
6 Negeri di Semenanjung Malaysia.

<i>Negeri</i>	<i>Jumlah kerusi DUN</i>	<i>PH + MUDA</i>	<i>PN</i>	<i>BN</i>	<i>Bebas dan lain-lain</i>
		<i>Menang</i>	<i>Menang</i>	<i>Menang</i>	<i>Menang</i>
Pahang	41	8	17	16	0
Perak	59	24	26	9	0
Perlis	15	1	14	0	0
<i>Negeri</i>	<i>Jumlah kerusi DUN</i>	<i>PH</i>	<i>PN</i>	<i>BN</i>	<i>Bebas dan lain-lain Menang</i>
		<i>Menang</i>	<i>Menang</i>	<i>Menang</i>	
Kedah	36	3	33	0	0
Kelantan	45	1	43	1	0
N.Sembilan	36	17	5	14	0
P. Pinang	40	27	11	2	0
Selangor	56	32	22	2	0
Terengganu	32	0	32	0	0

Sumber: Olahan data daripada pru.astroawani.com dan MyUndi.com.

Seterusnya, Jadual 2 di atas menunjukkan keputusan pilihan raya peringkat DUN di dalam PRU-15 iaitu Negeri Pahang, PH memperoleh 8 buah kerusi, PN 17 buah kerusi dan BN 16 buah kerusi. Kemudian, Perak pula menunjukkan PH menguasai 24 kerusi, PN 26 kerusi dan BN 9 kerusi. Di Perlis, PH hanya menguasai 1 buah kerusi, PN 14 buah kerusi manakala BN tidak memperoleh mana-mana kerusi. Seterusnya, keputusan PRN 6 Negeri pula menunjukkan kesinambungan penguasaan PN di kawasan *Malay Heartland*. PN berjaya mengekalkan penguasaan mereka di Kedah sebanyak 33 daripada 36 kerusi, Kelantan sebanyak 43 daripada 45 kerusi dan Terengganu memperoleh kesemua 32 kerusi tanpa mempunyai suara pembangkang. Walau bagaimanapun, gelombang PN ini tidak berjaya memenangi Negeri Selangor, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang dalam membentuk kerajaan. Namun, PN berjaya menembusi 22 buah kerusi di Selangor, 5 buah kerusi di Negeri Sembilan dan 11 buah kerusi di Pulau Pinang. Keputusan PRN 6 Negeri ini juga menunjukkan kewujudan identifikasi parti di mana pengundi cenderung untuk mengundi parti politik yang sama memandangkan jarak tempoh PRU-15 dan PRN 6 Negeri 2023 lebih kurang sembilan bulan sahaja.



Peta 1: Peta Yang Menunjukkan Pecahan Warna Mengikut Parti Yang Dimenangi
Peringkat Parlimen Pada PRU-15.
Sumber: Infografik Peta Dari *Twitter*.

Seterusnya Peta 1 di atas, jelas menunjukkan pecahan sokongan pengundi mengikut kawasan. Kawasan Pantai Barat yang mewakili Selangor, Wilayah Persekutuan, Melaka, Negeri Sembilan, Sebahagian Perak dan Johor, serta Pulau Pinang berjaya dikuasai oleh Pakatan Harapan yang berwarna merah. Manakala kawasan *Malay Heartland* dikuasai oleh Perikatan Nasional berwarna hijau dan Barisan Nasional berwarna biru. Peta ini juga menunjukkan peningkatan penguasaan PAS-PN (49 kerusi parlimen) di kawasan majoriti Melayu di mana kerusi parlimen di Kelantan, Terengganu, Perlis dan Kedah (kecuali Sungai Petani) di sapu bersih oleh gabungan ini. Manakala kawasan Pantai Barat yang majoriti kerusi campuran Melayu, Cina dan India dikuasai oleh Pakatan Harapan. Peta di atas juga menunjukkan kewujudan pembahagian tidak sekata (*malapportionment*) di mana terdapat kawasan pilihan raya yang terlalu besar dengan nisbah antara parlimen terbesar kepada parlimen terkecil melebihi empat kali ganda. Sebagai contoh, unjuran jumlah pengundi di Bangi sekitar 400,000 berbanding kawasan seperti Cameron Highlands, Gerik dan Sabak Bernam pula sekitar 50,000 sahaja.⁵⁴

Selain itu, kemenangan besar yang diperoleh daripada PN dipermudahkan lagi dengan kewujudan pembahagian tidak sekata (*malapportionment*) yang diwarisi daripada strategi UMNO Barisan Nasional semasa parti itu berkuasa untuk memenangi pilihan raya. Menurut Ostwald⁵⁵ dan Wong,⁵⁶ strategi ini dilihat sebagai manipulasi untuk memilih pengundi dan biasanya akan memihak kepada pemerintah. Dalam memahami pembahagian tidak sekata (*malapportionment*) ini, sebagai contoh pada PRU-15 yang lalu jumlah pengundi yang layak mengundi di Gombak adalah 206,744 manakala di Perlis terdapat tiga kerusi parlimen iaitu Padang Besar mempunyai pengundi berjumlah 60,192, Kangar berjumlah 74,859 dan Arau berjumlah 60,876.⁵⁷ Jika ditambah ketiga-tiga kerusi parlimen ini akan menjadi 195,927 jumlah pengundi. Statistik ini menunjukkan Gombak yang dimenangi oleh PH mewakili satu kerusi manakala kerusi yang dimenangi oleh PN mewakili tiga kerusi parlimen dimana jumlah ketiga-tiga parlimen ini mewakili satu kerusi parlimen Gombak. Situasi ini sudah tentu memberi kelebihan kepada PN dalam menguasai kawasan luar bandar yang


mempunyai lebih banyak kerusi parlimen berbanding PH yang mewakili jumlah populasi yang ramai untuk satu kerusi parlimen.

Seterusnya, orang Melayu Islam yang mengundi Pakatan Harapan (PH) PRU-15 yang lalu membuktikan mereka ini mempunyai toleransi yang tinggi dan menerima keadaan bahawa Malaysia ini masyarakat majmuk dan tidak termakan dengan sentimen agama dan perkauman yang dimainkan oleh elit politik. Walaupun jumlahnya hanya 11 peratus,⁵⁸ namun orang Melayu Islam di kawasan Pantai Barat yang mengundi PH juga lebih bersikap moderat serta melihat isu kos sara hidup yang tinggi, isu rasuah, isu tatakelola pentadbiran yang baik lebih penting berbanding sentimen agama dan perkauman. Mereka juga berpendapat bahawa pemimpin yang bersih dan tidak rasuah akan memperbaiki gaya hidup yang semakin terdesak terutamanya yang tinggal di bandar. Walau bagaimanapun, situasi ini berbeza dengan orang Melayu Islam yang tinggal di kawasan luar bandar iaitu sebanyak 54 peratus mengundi PN⁵⁹ yang merasakan isu Melayu dan Islam itu lebih penting. Mereka mudah termakan dengan sentimen “Cina DAP akan memerintah” serta mudah ditakutkan bahawa hak keistimewaan orang Melayu akan hilang apabila PH memerintah. Ketakutan tersebut sudah tentu disalurkan melalui undi kepada PN yang dilihat bersungguh-sungguh membela nasib orang Melayu dan Islam. Pembahagian pola pemikiran sebegini menunjukkan Islamis konservatif yang dikuasai oleh PAS-PN berjaya membawa naratif Islam dan Melayu sehingga mampu menyapu bersih kerusi majoriti Melayu yang ditandinginya. Sebaliknya, Islamis moderat PH gagal membawa alternatif dan wacana Islam dan Melayu sehingga ditolak secara total di kawasan majoriti orang Melayu dan hanya diterima di kawasan kerusi campuran di bandar. Oleh itu, terdapat persoalan yang perlu dijawab iaitu apakah faktor kejayaan Islamis konservatif PAS-PN yang mampu menguasai kerusi majoriti Melayu Islam pada PRU-15 yang lalu?

Bagi memahami kerangka golongan Islamis, Shadi Hamid & William Mc Cants⁶⁰ mendefinisikannya sebagai mereka yang terlibat dalam institusi politik dan bersedia bekerja dalam struktur negara sedia ada walaupun bersifat sekular. Golongan Islamis juga tidak dinafikan sering dikaitkan dengan gerakan Islam yang diinspirasikan dari jalur pemikiran Ikhwanul Muslimun Mesir. Dalam landskap politik Islam di Malaysia, terdapat beberapa parti Islam seperti PAS, AMANAH, BERJASA, dan organisasi Islam seperti ABIM, IKRAM, ISMA yang aktif bergerak dalam kerangka aktivisme. Organisasi Islam seperti ABIM, IKRAM dan ISMA walaupun bukan parti politik tetapi ia mempunyai kaitan dengan parti politik yang didukung dari sudut idealisme perjuangan. Menurut Hew Wai Weng,⁶¹ setiap gabungan parti politik juga mempunyai parti Islamis masing-masing. Sebagai contoh, dalam Pakatan Harapan mempunyai AMANAH sebagai wakil Islamis, Perikatan Nasional mempunyai PAS sebagai wakil Islamis, Gerakan Tanah Air (GTA) mempunyai BERJASA sebagai wakil Islamis, Barisan Nasional walaupun tiada wakil Islamis secara formal melalui parti tetapi UMNO tetap menampilkan wakil Islamis seperti Asyraf Wajdi dan Fathul Bari sebagai calon PRU-15 mereka. Hew Wai Weng⁶² menegaskan lagi, dengan memahami hubungan dan kolaborasi antara parti dan organisasi ini akan memberi pencerahan mengenai garis pendirian mereka sama ada dalam jalur Islamis moderat atau jalur Islamis konservatif. Pertama, PAS merupakan sebuah parti Islam yang bersifat pragmatik dan sentiasa bertukar strategi bersandarkan siapa pemimpinnya. Selepas PAS keluar daripada Pakatan Rakyat, parti itu dilihat semakin eksklusif dengan menekankan kepimpinan Melayu dan penyatuan Ummah. Ia dibuktikan dengan kerjasama dengan UMNO sehingga Muafakat Nasional ditubuhkan. Kemudian, bagi menghadapi PRU-15, PAS menggunakan strategi pragmatik bekerjasama dengan GERAKAN di bawah Perikatan Nasional namun pendirian konservatifnya masih tidak ditinggalkan terutamanya dalam memperjuangkan Melayu dan Islam. Dalam situasi ini mengukuhkan lagi bahawa PAS berada di garis Islamis konservatif. Seterusnya, parti Islam AMANAH merupakan tulang belakang PH yang meraikan kepelbagaian kaum serta terkenal dengan slogannya “*rahmatan lil alamin*”. AMANAH juga memposisikan diri mereka sebagai parti progresif, moderat

dan inklusif. Walau bagaimanapun, AMANAH gagal menonjolkan imej mereka ke hadapan dalam isu Islam dan juga sering dituduh sebagai badut DAP.

Seterusnya, BERJASA pula merupakan parti Islam serpihan PAS yang berjalur keras dan eksklusif. Pada PRU-14 yang lalu BERJASA bekerjasama dengan PAS sebagai *electoral-pact* di bawah Gagasan Sejahtera dan pada PRU-15, BERJASA bekerjasama dengan GTA yang diketuai oleh Tun Mahathir dalam koalisi yang melibatkan Melayu Islam sahaja. Manakala organisasi Islam seperti ABIM, IKRAM dan ISMA pula merupakan Islamis yang mempunyai hubungan dengan parti politik dalam mengukuhkan sokongan terhadap parti politik yang selari dengan idealisme aktivisme mereka. Sebagai contoh, ABIM dan IKRAM yang berjalur moderat memainkan peranan penting dalam mengukuhkan sokongan Melayu kelas urban pertengahan terhadap PKR dan AMANAH. Selain itu, Islamis dalam ABIM dan IKRAM juga bersetuju dengan konsep pelbagai kaum dan terbuka untuk bekerjasama dengan bukan Islam. Antara figura ABIM yang bertanding dalam PRU-15 ialah Anwar Ibrahim, Fadhlina Siddiq dan Jufitri Johar. Manakala figura IKRAM pula ialah Hassan Basri, Fuziah Salleh, Rodziah Ismail, Maszlee Malik dan Nik Omar. Kesemua tokoh ini bertanding di bawah tiket PKR. Walau bagaimanapun, ia berbeza dengan ISMA yang bersifat anti PH, mengkritik sekolah vernakular dan melihat ahli politik bukan Islam sebagai ancaman kepada agenda Melayu. Slogan ISMA iaitu Melayu sepakat, Islam berdaulat dan sokongan terhadap BERJASA dan GTA menunjukkan pegangan Islamis ISMA bersifat ultra-nasionalis.



Rajah 1: Spektrum Ideologi Politik Islamis.

Sumber: Diperolehi Menerusi Analisis Dapatan Kajian.

Faktor Keberkesanan Strategi PN Menguasai Kerusi Majoriti Orang Melayu PRU-15

Naratif Agama dan Perkauman

Sentimen agama dan perkauman telah mewarnai landskap politik sejak Pakatan Harapan memenangi Pilihan Raya 2018 yang lalu. Sentimen ini semakin galak dimainkan setelah PAS dan UMNO bekerjasama di pihak pembangkang dan kemuncaknya Muafakat Nasional ditubuhkan. Naratif Melayu dan Islam ini berjaya dimainkan kerana PH gagal menangkis dan wemujudkan wacana alternatif kepada Islam dan Melayu secara berkesan. Kenyataan seperti Cina DAP memerintah, hak Orang Melayu dan Islam terancam sentiasa dimainkan dalam pentadbiran PH di bawah Tun Mahathir sehingga menimbulkan kegusaran kepada orang Melayu. Tambahan pula, di bawah pentadbiran PH wujudnya isu-isu kontroversi seperti pelantikan jawatan kritikal kepada orang bukan Melayu, isu kematian Muhammad Adib, isu meratifikasi ICERD, isu statut Rom, isu pengiktirafan sijil UEC yang menimbulkan kemarahan orang Melayu dan kegagalan PH dalam menangani isu membuatkan orang Melayu beralih kepada UMNO-PAS yang dilihat mampu menjaga kepentingan orang Melayu dan Islam. Kemuncak kepada sentimen agama dan perkauman dilihat reda apabila kerajaan Pakatan Harapan runtuh dan hanya mampu bertahan selama 22 bulan sahaja dan di ambil alih oleh kerajaan Perikatan Nasional yang ditunjangi oleh PAS-BERSATU dan BN. Selama tempoh 33 bulan kerajaan

Perikatan Nasional dan BN memerintah negara, sentimen agama dan kaum dilihat sunyi dan reda daripada mainan elit politik kerana tampuk kekuasaan di tangan mereka. Tempoh pemerintahan 33 bulan PN memberi kelebihan kepada PAS untuk menarik sokongan orang Melayu terhadap PAS-PN kerana kelebihan mereka sebagai kerajaan. Tambahan pula tempoh pemerintahan PN semasa covid memberi kelebihan kepada Mahiaddin Yassin yang dilihat sebagai pemimpin yang prihatin dalam menjaga rakyat semasa covid-19 melanda negara.

Sentimen agama dan perkauman dilihat sebagai senjata magis untuk menakutkan orang Melayu dan ia digunakan sebaiknya oleh Islamis konservatif untuk melihat orang Melayu bersatu. Sentimen ini semakin kuat dengan munculnya filem *hit* dari Studio Kembara yang didukung oleh aktivis ISMA iaitu Mat Kilau yang bersifat nasionalis pada tahun 2022. Mesej utama filem itu adalah menggesa orang Melayu Islam bersatu menentang bangsa asing dan menekankan peranan Islam dalam identiti Melayu.⁶³ Filem yang meraih kutipan hampir RM 100 juta⁶⁴ memberi kesan mendalam kepada orang Melayu dan jarak tayangan yang dekat dengan PRU-15 memberi kelebihan besar kepada PAS-PN yang dilihat selari dengan mesej yang disampaikan. Selain itu, semasa kempen PRU-15 yang lalu juga, kenyataan rasmi *Facebook* PAS juga menggesa orang Melayu Islam untuk mengambil pengajaran daripada filem Mat Kilau di samping menuduh PH memperkecilkan agenda Melayu Islam dan mencadangkan PN adalah pilihan terbaik orang Melayu untuk mempertahankan hak Islam dan Melayu.⁶⁵

Kempen Media Sosial yang Berkesan

Strategi kempen Perikatan Nasional di media sosial terutamanya TikTok dilihat kehadapan berbanding gabungan parti politik lain. Timbul juga dakwaan bahawa PN juga membayar pempengaruh di TikTok dengan jumlah yang besar bagi meraih undi golongan muda yang sememangnya aktif menggunakan platform tersebut.⁶⁶ Selain itu, kejayaan PAS meraih 49 kerusi parlimen pada PRU-15 yang lalu juga disebabkan faktor sokongan secara langsung tanpa berselindung pendakwah selebriti terkenal kepada PAS. Hasil dari dasar Islamisasi bermula dari zaman Tun Mahathir dan berterusan hingga kini⁶⁷ menjadikan pengikut selebriti agama di Malaysia sekarang bukan individu taat agama sahaja, malah ia melepasi garis kumpulan ekonomi, sektor pekerjaan dan umur. Sebagai contoh, pada PRU-15 yang lalu pendakwah selebriti seperti Syekh Zainul Asri, Wadi Annuar, Azhar Idrus, Syed Norhisyam Tuan Padang dan Abdullah Khairi tanpa berselindung menyatakan sokongan mereka dan menyeru pengundi supaya menyokong PAS-PN. Selain itu, pendakwah selebriti seperti Asma Harun, DR Norhafizah Musa dan Nadhir an-Nuri secara berkias mengajak jutaan pengikut mereka menyokong parti bernuansa Islam yang menjanjikan Malaysia bersih dan stabil. Selain itu, muncul juga pendakwah selebriti muda seperti Syahir Norhisyam yang mempunyai pengikut yang ramai juga turut membuat *content* TikTok terbuka menyokong ulama PAS-PN dan kepentingan negara dipimpin ulama. *Content* sebegini begitu memikat semua lapisan pengundi termasuk pengundi atas pagar juga terpesona dengan seruan para asatizah ini. Selain daripada pengaruh pendakwah selebriti di TikTok, wujud juga pempengaruh yang tidak mempunyai latar belakang Islamik tetapi mempunyai pengikut yang ramai juga menyatakan sokongan secara terang-terangan kepada PAS-PN. Ia ditambah lagi dengan tohmahan Islam dan Melayu terancam sepanjang 22 bulan di bawah pemerintahan Pakatan Harapan dan kes rasuah berprofil tinggi dalam kalangan pimpinan BN, maka pengundi Melayu Islam atas pagar tiada pilihan lain dan memilih mengundi PN.

Kempen Agama dan Kaum Secara Maksima oleh PN

Suhu kempen PRU-15 yang lalu dilihat begitu panas kerana dengan terang-terangan PAS-PN menggunakan isu agama dan kaum secara keterlaluan dalam meraih undi kepada mereka. Situasi ini seolah-olah mengulang kembali sejarah takfir yang hangat berlaku sekitar tahun 1980-an di Terengganu. Isu takfir dalam kempen PRU-15 mula hangat diperkatakan apabila Ketua Pemuda PAS Sik Kedah mengeluarkan hukum “sesiapa yang mengundi PH dan BN akan masuk api neraka”. Kenyataan seperti ini agak keterlaluan dalam masyarakat berbilang kaum kerana dapat menggugat perpaduan ummah.⁶⁸ Selain itu, Mahiaddin Yassin juga dalam salah satu ceramah beliau juga mengaitkan PH dengan agenda Yahudi, Kristian yang cuba mengambil alih Malaysia. Video klip dakwaan Mahiaddin juga telah dikongsi oleh pengguna TikTok dengan meraih tontonan sebanyak 605, 800 kali.⁶⁹ Selain itu, Islamis PAS iaitu Pesuruhjaya PAS Perak dalam kempen beliau juga mendakwa Anwar akan membawa agenda LGBT dengan menghalalkan perkahwinan sejenis dan DAP juga didakwa membawa agenda komunis ke negara ini.⁷⁰ Dakwaan-dakwaan yang berleluasa di TikTok sedikit sebanyak mempengaruhi pengundi muda di TikTok yang masih mentah dalam membuat keputusan terutamanya dalam soal politik. Kempen-kempen sebegini ternyata membuahkan hasil apabila kawasan parlimen majoriti Melayu dimenangi oleh calon Perikatan Nasional.

Kemunculan Islamis Radikal dalam PRU-15

Selain membincangkan tentang keberkesanan strategi PN menguasai kerusi majoriti orang Melayu, artikel ini turut membincangkan mengenai kemunculan Islamis radikal dalam PRU-15. Kemunculan Islamis radikal adalah rentetan daripada penekanan kepada naratif agama dan kaum secara keterlaluan sejak 2018 dan semakin galak dengan kemunculan Muafakat Nasional (Pakatan antara PAS dan UMNO). Walau bagaimanapun ia semakin reda setelah runtuhnya kerajaan Pakatan Harapan dan diambil alih oleh Perikatan Nasional yang dianggotai oleh UMNO BERSATU dan PAS. Namun, naratif agama dan kaum sekali lagi dimainkan secara maksima semasa tempoh berkempen PRU-15 oleh PN (PAS dan BERSATU) bagi memperoleh undi daripada orang Melayu. Menurut Noorhaidi Hasan,⁷¹ radikalisme Islam merupakan cabang daripada Islamisme dan ia merangkumi pemikiran, gagasan, aksi dan gerakan. Dalam situasi ini, kemunculan Islamis radikal pada PRU-15 yang lalu adalah di tahap pemikiran apabila ia diterjemahkan dengan kenyataan *takfir* (kafir-mengkafir) bagi menghukum pengundi yang tidak sehaluan dengan PN. Selain itu, perlu dijelaskan bahawa PAS masih lagi dalam kerangka Islamisme walaupun parti itu kadangkala tidak jelas dengan pelaksanaan cita-cita hudud mereka.

Pemikiran radikal seperti kafir-mengkafir ini dibuktikan melalui kenyataan yang dikeluarkan dalam ceramah Ketua Pemuda PAS Sik Kedah iaitu “siapa undi PH dan BN masuk api neraka”. Kenyataan ini dilihat melampau dalam suasana masyarakat pelbagai kaum dan boleh menjadi pendorong kepada perpecahan dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Pendekatan Islamis PN ini seolah-olah mengulang kembali peristiwa kafir-mengkafir yang mewarnai politik Muslim sekitar tahun 1960-an sehingga 1980-an. Pendekatan radikal daripada Islamis PN ini rentetan daripada pengukuhan naratif politik Melayu-Islam yang ditunjangi oleh gabungan tersebut dalam pentadbiran mereka selama 33 bulan. Tambahan pula, naratif politik Melayu-Islam dilihat mendapat sambutan dalam kalangan orang Melayu terutamanya sejak penubuhan Muafakat Nasional dan sentimen itu berterusan sehingga dalam pentadbiran PN. Oleh itu, tidak mustahil Islamis radikal muncul ditambah lagi kesan daripada kempen agama dan kaum yang digunakan secara maksima oleh PN manakala Islamis PH pula gagal menangkis dakwaan yang dilemparkan kepada mereka terutamanya dalam memberi naratif Cina DAP memerintah orang Melayu akan terancam.

Walau bagaimanapun, pendekatan radikal yang digunakan oleh Islamis PN pada PRU-15 yang lalu seolah-olah hanya diterima terutamanya di kawasan luar bandar yang majoritinya orang Melayu Islam apabila PN berjaya memperoleh kemenangan besar di kawasan tersebut. Kejayaan Islamis PN dalam menggunakan strategi radikal ini dibantu oleh keberkesanan media sosial seperti TikTok dan pempengaruh yang pro-PN serta mempunyai personaliti agama. Pendekatan ini berjaya menarik minat pengundi muda yang aktif menggunakan aplikasi ini dalam membuat keputusan politik. Hal ini berbeza dengan pendekatan radikal kafir-mengkafir yang digunakan oleh PAS sekitar tahun 1980-an dimana pendekatan ini dilihat kurang diterima oleh orang Melayu secara umumnya malah UMNO kekal menjadi parti popular dalam kalangan orang Melayu berdasarkan pendekatan Islamisasi mereka.

Selain itu, penekanan terhadap naratif Islam-Melayu oleh Islamis PN dalam PRU-15 yang lalu juga dilihat bertembung dengan landasan politik Muslim kini iaitu fasa pertemuan Islamis dengan pluralisme demokrasi yang didukung oleh Islamis PH. Walau bagaimanapun, penekanan terhadap naratif Islam-Melayu ini boleh menjadi reda apabila PAS dan UMNO menjadi kerajaan seperti mana PAS menyertai UMNO pada tahun 1974 sehingga 1977 dan juga PAS, UMNO dan BERSATU menjadi kerajaan selepas keruntuhan kerajaan Pakatan Harapan tahun 2020. Oleh itu, ia menunjukkan bahawa politik identiti masih lagi relevan dalam landskap politik Malaysia.

Kesimpulan

Secara holistiknya, kecenderungan pengundi Melayu Islam memilih parti yang berasaskan Islam menunjukkan kelompok Islamis semakin penting dalam mewarnai parti gabungan politik di Malaysia. Situasi ini juga menunjukkan politik identiti iaitu agama dan kaum juga masih lagi relevan walaupun negara berhadapan dengan isu tatakelola pentadbiran dan rasuah yang berleluasa. Peningkatan kerusi parlimen PAS-PN yang memberangsangkan juga membuktikan orang Melayu Islam lebih tertarik dengan isu agama dan kedudukan Melayu yang terancam yang dibawa oleh Islamis PAS-PN berbanding dengan isu salahguna kuasa dan rasuah yang dibawa oleh Islamis AMANAH-PH. Situasi ini terjadi kerana Islamis PH gagal menyediakan naratif Islam dan Melayu secara berkesan serta gagal *counterattack* naratif yang mengatakan PH ini liberal, komunis jika memerintah Melayu akan tertindas.

Selain itu, keputusan PRU-15 ini juga menunjukkan keberkesanan strategi PN dalam memenangi kerusi parlimen sehingga kadangkala melampaui batas dan bersifat radikal. Dalam masyarakat yang berbilang kaum, elit politik seharusnya bertanggungjawab dalam mengeluarkan kata-kata lebih-lebih lagi yang melibatkan keharmonian dan perpaduan kaum di negara ini. Parti politik Islamis khususnya perlu menunjukkan contoh terbaik kerana mereka membawa nama baik agama dalam masyarakat. Walau bagaimanapun, keputusan PRU-15 yang lalu dengan penambahan undi 18 yang ketara membuktikan Islamis konservatif masih lagi relevan dan diterima oleh majoriti Melayu Islam berbanding Islamis moderat. Selain itu, keputusan PRN 6 Negeri 2023 juga mengukuhkan lagi identifikasi parti di kalangan pengundi terutamanya di kawasan *Malay Heartland* seperti Kelantan, Terengganu dan Kedah di mana pengundi cenderung untuk memilih parti yang sama sepertimana di dalam PRU-15 memandangkan tempoh kedua-dua pilihan raya ini kurang dari setahun.

Nota

- ¹ Bassam Tibi, "Islamism and Islam", 2012, hlm. 15.
- ² Piscatori, J., "Islam, Islamist and the Electoral Principle in the Middle East", 2002.
- ³ Bassam Tibi, "Islamism and Islam", 2012, hlm. 41-42.
- ⁴ Noorhaidi Hasan, "Islam Politik di Dunia Kontemporer: Konsep, Genealogi dan Teori", 2012, hlm. 23-24.
- ⁵ Teun Pauwels, "Populism in Western Europe: Comparing Belgium, Germany and the Netherlands", 2014, hlm. 54.
- ⁶ Miller, W.E. & Shanks, J.M., "The New American Voter", 1996, hlm. 9.
- ⁷ Miller, W.E. & Shanks, J.M., "The New American Voter", 1996, hlm. 120.
- ⁸ Mohd Izani Mohd Zain, "Demokrasi Melampaui Pilihan Raya: Fasa Baharu dalam Politik Muslim", 2014, hlm. 379.
- ⁹ Ahmad Zaki Abd. Latiff, "Pengaruh Gerakan Islam Timur Tengah Dalam Perkembangan Pemikiran Agama dan Politik Masyarakat Melayu (1971 -1998)", 2003, hlm. 20.
- ¹⁰ Mohd Sabri Md Nor, 2018. "Isu-isu pemerkasaan Islam dalam persaingan politik UMNO dengan PAS" 2018, hlm. 243.
- ¹¹ Mohd Sabri Md Nor, 2018. "Isu-isu pemerkasaan Islam dalam persaingan politik UMNO dengan PAS", 2018, hlm. 244-245.
- ¹² Zabidi Mohamed, "Arqam Tersungkur di Pintu Syurga", 1998.
- ¹³ Syed Ahmad Hussein, "Politik Muslim dan demokrasi di Malaysia: Anjakan, pertemuan dan landasan baharu dalam persaingan politik", 2014, hlm. 149.
- ¹⁴ Syed Ahmad Hussein, "Politik Muslim dan demokrasi di Malaysia: Anjakan, pertemuan dan landasan baharu dalam persaingan politik", 2014, hlm. 151.
- ¹⁵ Ahmad Zaki Abd. Latiff, "Pengaruh Gerakan Islam Timur Tengah Dalam Perkembangan Pemikiran Agama dan Politik Masyarakat Melayu (1971 -1998)", 2003, hlm. 230.
- ¹⁶ Syed Ahmad Hussein, "Politik Muslim dan demokrasi di Malaysia: Anjakan, pertemuan dan landasan baharu dalam persaingan politik", 2014, hlm. 144.
- ¹⁷ Ahmad Zaki Abd. Latiff, "Pengaruh Gerakan Islam Timur Tengah Dalam Perkembangan Pemikiran Agama dan Politik Masyarakat Melayu (1971 -1998)", 2003, hlm. 229-230.
- ¹⁸ Syed Ahmad Hussein, "Politik Muslim dan demokrasi di Malaysia: Anjakan, pertemuan dan landasan baharu dalam persaingan politik", 2014, hlm. 131.
- ¹⁹ Ghabdian, N., "Democratization and the Islamist Challenge in the Arab World", 1997.
- ²⁰ Mohd Izani Mohd Zain, "Demokrasi Melampaui Pilihan Raya: Fasa Baharu dalam Politik Muslim", 2014, hlm. 383.
- ²¹ Muhammad Syukri Salleh, "Reformasi, reradikalisasi dan kebangkitan Islam di Malaysia", 2000.
- ²² Adibah Yasmin , Jamaie & Mohd Irwan Syazli, "Golongan Islamis: Kemunculan dan Perkembangan dari tahun 1970-an sehingga tahun 1999 di Malaysia", 2023.
- ²³ Mohd Izani Mohd Zain, "Demokrasi Melampaui Pilihan Raya: Fasa Baharu dalam Politik Muslim", 2014, 383-384.
- ²⁴ Muhammad Faiz Mukmin & Wan Fariza Alyati, "Pasca-Islamisme Dalam PAS: Analisis Terhadap Kesan Tahalluf Siyasi", 2015.
- ²⁵ Imlan Adabi, Penangan tsunami rakyat untuk BN muhasabah diri, *Dewan Masyarakat*. Bil 6, 2018, hlm. 8-17.
- ²⁶ Muhammad Shahrul Shahabudin & Muhamad Nadzri Mohamed Noor, "Politik dan Pilihan Raya Pakatan Harapan Pasca Sheraton, 2020-2022", 2022.
- ²⁷ Case, W., "Politics in Malaysia Today: Demise of the Hybrid? Not So Fast", 2019, hlm. 21.
- ²⁸ Chin, J., "Malaysia: The 2020 Putsch for Malay Islam Supremacy", 2020, hlm. 288.

- ²⁹ Ostwald, K. & Steven, O. "Four Arenas: Malaysia's 2018 Election, Reform and Democratization", 2020, hlm. 663, 673.
- ³⁰ Tapsell, R., "Malaysia in 2019: A Change of Government without Regime Change", 2020, hlm. 196.
- ³¹ Ufen, A., "The Downfall of Pakatan Harapan in Malaysia: Coalitions during Transition", 2022.
- ³² Muhamad Nadzri Mohamed Noor, "Pilihan raya dan politik Malaysia Pasca PRU 2018: Persaingan, Dinamik dan Implikasi", 2020.
- ³³ Teoh, Shahnnon, "Pakatan slows reforms to court Malay support", Straits Times, 24 Mac 2019 <https://www.straitstimes.com/asia/se-asia/pakatan-slows-reforms-to-court-malay-support>. [17 Januari 2023].
- ³⁴ Kow Gah Chie, "DR M: Manifesto Harapan bukan 'kitab suci'", Malaysiakini, 16 Julai 2018, <https://www.malaysiakini.com/news/434417>, [20 Januari 2023].
- ³⁵ Shah Mohd Akmal & Ashraf Ahmad Hadi, "Muafakat Nasional dalam Langkah Sheraton: Sebelum, Semasa dan Selepas", 2020.
- ³⁶ Shah Mohd Akmal & Ashraf Ahmad Hadi, "Muafakat Nasional dalam Langkah Sheraton: Sebelum, Semasa dan Selepas", 2020.
- ³⁷ Muhamad Nadzri Mohamed Noor, "Pilihan raya dan politik Malaysia Pasca PRU 2018: Persaingan, Dinamik dan Implikasi", 2020.
- ³⁸ Shah Mohd Akmal & Ashraf Ahmad Hadi, "Muafakat Nasional dalam Langkah Sheraton: Sebelum, Semasa dan Selepas", 2020.
- ³⁹ Shah Mohd Akmal & Ashraf Ahmad Hadi, "Muafakat Nasional dalam Langkah Sheraton: Sebelum, Semasa dan Selepas", 2020.
- ⁴⁰ Nigel AW & Zikri Kamarulzaman, "'Langkah Sheraton' membawa Malaysia ke jalan buntu: Apa seterusnya?" Malaysiakini, 26 Feb 2020, <https://www.malaysiakini.com/news/512353>, [25 Januari 2023].
- ⁴¹ Shah Mohd Akmal & Ashraf Ahmad Hadi, "Muafakat Nasional dalam Langkah Sheraton: Sebelum, Semasa dan Selepas", 2020.
- ⁴² Lim Huey Teng, "Veteren UMNO pula tak puas hati komposisi kabinet PN" Malaysiakini, 12 Mac 2020 <https://www.malaysiakini.com/news/514366> [25 Januari 2023].
- ⁴³ Shah Mohd Akmal & Ashraf Ahmad Hadi, "Muafakat Nasional dalam Langkah Sheraton: Sebelum, Semasa dan Selepas", 2020.
- ⁴⁴ Aimuni Tuan Lah, "Muafakat Nasional hilang arah tuju-Ku Li", Utusan, 30 Ogos 2020, <https://www.utusan.com.my/nasional/2020/08/muafakat-nasional-hilang-arah-tuju-ku-li/> [18 Januari 2023].
- ⁴⁵ Muhammad Shahrul Shahabudin & Muhamad Nadzri Mohamed Noor, "Politik dan Pilihan Raya Pakatan Harapan Pasca Sheraton, 2020-2022", 2022.
- ⁴⁶ Arfa Yunus. 2020, "Anwar Says has 'Strong, formidable, convincing' majority to form government", New Straits Times, 23 September 2020, <https://www.nst.com.my/news/nation/2020/09/626586/anwar-says-has-strong-formidable-convincing-majority-form-government>, [18 Januari 2023].
- ⁴⁷ Hasimi Muhamad, "15 ahli parlimen UMNO Tarik sokongan, saya telah hilang majoriti'-Muhyiddin", Astro Awani, 16 Ogos 2021, <https://www.astroawani.com/berita-politik/15-ahli-parlimen-umno-tarik-sokongan-saya-telah-hilang-majoriti-muhyiddin-314334> [18 Januari 2023].
- ⁴⁸ Muhammad Shahrul Shahabudin & Muhamad Nadzri Mohamed Noor, "Politik dan Pilihan Raya Pakatan Harapan Pasca Sheraton, 2020-2022", 2022.
- ⁴⁹ Bridget Welsh, "Analisis awal pengundian kaum pada PRU15, Bridget Welsh.com, 25 November 2022, <https://bridgetwelsh.com/articles/analisis-awal-pengundian-kaum-pada-pru15/> [17 Januari 2023].
- ⁵⁰ Ruhan Shahrir, "PRU15: Memetakan 'tsunami hijau' PAS", The Malaysian Insight, 24 November 2022, <https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/413610> [18 Januari 2023].
- ⁵¹ Hew Wai Weng, "From Islamist to Muslim majoritarianism: The rise of PAS in GE 15", Stratsea.com, 9 Disember 2022, <https://stratsea.com/from-islamist-to-muslim-majoritarianism-the-rise-of-pas-in-ge15/>. [20 Januari 2023].

- ⁵² Hew Wai Weng, "Islamist vs Islamist in GE15", Malay Mail, 14 November 2022, <https://www.malaymail.com/news/what-you-think/2022/11/17/islamists-vs-islamists-in-ge15-hew-wai-weng/40280>, [25 Januari 2023].
- ⁵³ Laman Web Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, "Stats @PRU Ke 15 Parlimen", [http://sprinfo.spr.gov.my/spr/Infografik/INFOGRAFIK%20STATS%20@PRU%20KE-15%20\(PARLIMEN\).jpg](http://sprinfo.spr.gov.my/spr/Infografik/INFOGRAFIK%20STATS%20@PRU%20KE-15%20(PARLIMEN).jpg).
- ⁵⁴ Astro Awani, Persempadanan kawasan pilihan raya: Patuhi Perlembagaan dan prinsip kesaksamaan, bukan etnik dan agama, 2021.
- ⁵⁵ Ostwald, K., "How to win a lost election: Malapportionment and Malaysia's 2013 General Election", 2013.
- ⁵⁶ Wong, C-H., "Constituency Delimitation and Electoral Authoritarianism in Malaysia", 2018.
- ⁵⁷ Malaysiakini, Undi. Info, 2023, <https://undi.in> Bridget Welsh, "Analisis awal pengundian kaum pada PRU15, Bridget Welsh.com, 25 November 2022, <https://bridgetwelsh.com/articles/analisis-awal-pengundian-kaum-pada-pru15/> [17 Januari 2023].
- ⁵⁸ Bridget Welsh, "Analisis awal pengundian kaum pada PRU15, Bridget Welsh.com, 25 November 2022, <https://bridgetwelsh.com/articles/analisis-awal-pengundian-kaum-pada-pru15/> [17 Januari 2023].
- ⁵⁹ Shadi Hamid & William Mc Cants, "Rethinking Political Islam", 2017.
- ⁶⁰ Hew Wai Weng, "Islamist vs Islamist in GE15", Malay Mail, 14 November 2022, <https://www.malaymail.com/news/what-you-think/2022/11/17/islamists-vs-islamists-in-ge15-hew-wai-weng/40280>, [25 Januari 2023].
- ⁶¹ Hew Wai Weng, "Islamist vs Islamist in GE15", Malay Mail, 14 November 2022, <https://www.malaymail.com/news/what-you-think/2022/11/17/islamists-vs-islamists-in-ge15-hew-wai-weng/40280>, [25 Januari 2023].
- ⁶² Hew Wai Weng, "From Islamist to Muslim majoritarianism: The rise of PAS in GE 15", Stratsea.com, 9 Disember 2022, <https://stratsea.com/from-islamist-to-muslim-majoritarianism-the-rise-of-pas-in-ge15/>. [20 Januari 2023].
- ⁶³ Fareez Azman, "Filem Mat Kilau ke Indonesia selepas kutip hampir RM100 juta", Astro awani, 11 Ogos 2022, <https://www.astroawani.com/berita-hiburan/filem-mat-kilau-ke-indonesia-selepas-kutip-hampir-rm100-juta-375564> [28 Januari 2023].
- ⁶⁴ Hew Wai Weng, "From Islamist to Muslim majoritarianism: The rise of PAS in GE 15", Stratsea.com, 9 Disember 2022, <https://stratsea.com/from-islamist-to-muslim-majoritarianism-the-rise-of-pas-in-ge15/>. [20 Januari 2023].
- ⁶⁵ Husni Mohd Noor, "PN bayar sehingga RM50,000 dapatkan pengaruh Tik Tok" Utusan, 18 November 2022, <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/11/pn-bayar-sehingga-rm50000-dapatkan-pengaruh-tiktok/> [28 Januari 2023].
- ⁶⁶ Wan Rahila Ganti Wan Abdul Ghapar, "Pengaruh pendakwah, selebriti pro-PAS Tarik pengundi sokong PN", Berita Harian, 30 November 2022, <https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2022/11/1033319/pengaruh-pendakwah-selebriti-pro-pas-tarik-pengundi-sokong-pn> [31 Januari 2023].
- ⁶⁷ Noorazura Abdul Rahman, "PRU15: 'Ambil tindakan penceramah hukum undi BN, PH masuk neraka'", Berita Harian, 11 November 2022, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/11/1024373/pru15-ambil-tindakan-penceramah-hukum-undi-bn-ph-masuk-neraka> [1 Februari 2023].
- ⁶⁸ Malaysiakini, "Muhyiddin kaitkan PH dengan agenda Yahudi, Kristian, 18 November 2022, <https://www.malaysiakini.com/news/644749> [2 Februari 2023].
- ⁶⁹ Isabelle Leong, "Razman dakwa Anwar bawa agenda LGBT, bimbang kerjasama PH-BN", Malaysiakini, 6 November 2022, <https://www.malaysiakini.com/news/642861> [2 Februari 2023].
- ⁷⁰ Noorhaidi Hasan, "Islam Politik di Dunia Kontemporar: Konsep, Genealogi dan Teori", 2012, hlm. 23-24.

Rujukan

- Adibah Yasmin Alias, Jamaie Hamil & Mohd Irwan Syazli Saidin. 2023. “Golongan Islamis: Kemunculan dan Perkembangan dari tahun 1970-an sehingga tahun 1999 di Malaysia”. *Malaysian Journal of Social Science and Humanities* Vol 8 (8). <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i8.2478>. 2478.
- Ahmad Zaki Abd. Latiff. 2003. Pengaruh Gerakan Islam Timur Tengah Dalam Perkembangan Pemikiran Agama dan Politik Masyarakat Melayu (1971 -1998). Disertasi Dr. Fal. Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya.
- Aimuni Tuan Lah. 2020. “Muafakat Nasional Hilang Arah Tuju-Ku Li”. *Utusan*, 30 Ogos 2020. <https://www.utusan.com.my/nasional/2020/08/muafakat-nasional-hilang-arah-tuju-ku-li/> [18 Januari 2023].
- Arfa Yunus. 2020. “Anwar Says Has ‘Strong, Formidable, Convincing’ Majority to Form Government”. *New Straits Times*, 23 September 2020. <https://www.nst.com.my/news/nation/2020/09/626586/anwar-says-has-strong-formidable-convincing-majority-form-government> [18 Januari 2023].
- Astro Awani. 2021. “Persempadanan Kawasan Pilihan Raya: Patuhi Perlembagaan Dan Prinsip Kesaksamaan, Bukan Etnik Dan Agama”. March 24. Retrieved 11 September 2023 from <https://www.astroawani.com/berita-politik/persempadanan-kawasan-pilihan-raya-patuhi-perlembagaan-dan-prinsip-kesaksamaan-bukan-etnik-dan-agama-289839>.
- Bassam Tibi. 2012. *Islamism and Islam*. New Haven and London: Yale University Press.
- Case, William. 2019. “Politics in Malaysia Today: Demise of the Hybrid? Not So Fast”. *Taiwan Journal of Democracy* 15(2): 1–29.
- Chin, James. 2020. “Malaysia: The 2020 Putsch for Malay Islam Supremacy”. *Round Table* 109(3): 288–97.
- Fareez Azman. 2022. “Filem Mat Kilau Ke Indonesia Selepas Kutip Hampir RM100 Juta”. *Astro Awani*, 11 Ogos 2022. <https://www.astroawani.com/berita-hiburan/filem-mat-kilau-ke-indonesia-selepas-kutip-hampir-rm100-juta-375564> [28 Januari 2023].
- Ghaddbian, N. 1997. *Democratization and the Islamist Challenge in the Arab World*. Boulder: Westview.
- Hasimi Muhamad. 2021. “15 Ahli Parlimen UMNO Tarik Sokongan, Saya Telah Hilang Majoriti’- Muhyiddin”. *Astro Awani*, 16 Ogos 2021. <https://www.astroawani.com/berita-politik/15-ahli-parlimen-umno-tarik-sokongan-saya-telah-hilang-majoriti-muhyiddin-314334> [18 Januari 2023].
- Hew Wai Weng. 2022. “From Islamist to Muslim Majoritarianism: The Rise of PAS in GE 15”. *Stratsea.com*, 9 Disember 2022. <https://stratsea.com/from-islamist-to-muslim-majoritarianism-the-rise-of-pas-in-ge15/>. Dicapai pada 20 Januari 2023.
- Hew Wai Weng. 2022. “Islamist vs Islamist in GE15”, *Malay Mail*, 14 November 2022, <https://www.malaymail.com/news/what-you-think/2022/11/17/islamists-vs-islamists-in-ge15-hew-wai-weng/40280>, [25 Januari 2023].
- Husni Mohd Noor. 2022. “PN Bayar Sehingga RM50, 000 Dapatkan Pempengaruh Tik Tok” *Utusan*, 18 November 2022, <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/11/pn-bayar-sehingga-rm50000-dapatkan-pempengaruh-tiktok/> [28 Januari 2023].
- Imlan Adabi. 2018. “Penangan Tsunami Rakyat Untuk BN Muhasabah Diri”. *Dewan Masyarakat*. Bil 6.: 8-17.

- Isabelle Leong. 2022. "Razman dakwa Anwar bawa agenda LGBT, bimbang kerjasama PHBN". *Malaysiakini*, 6 November 2022, <https://www.malaysiakini.com/news/642861> [2 Februari 2023].
- Kow, Gah Chie. 2018. "DR M: Manifesto Harapan Bukan 'Kitab Suci'. *Malaysiakini*, 16 Julai 2018. <https://www.malaysiakini.com/news/434417>, [20 Januari 2023].
- Lim, Huey Teng. 2020. "Veteren UMNO Pula Tak Puas Hati Komposisi Kabinet PN" *Malaysiakini*, 12 Mac 2020 <https://www.malaysiakini.com/news/514366> [25 Januari 2023].
- Malaysiakini*. 2022. "Muhyiddin Kaitkan PH Dengan Agenda Yahudi, Kristian. 18 November 2022, <https://www.malaysiakini.com/news/644749> [2 Februari 2023].
- Malaysiakini*. 2023. Undi.info, <https://undi.info/> [9 November 2023].
- Miller, W.E. and Shanks, J.M. 1996. *The New American Voter*. Harvard University Press, Cambridge, MA.
- Mohd Izani Mohd Zain. 2014. "Demokrasi Melampaui Pilihan Raya: Fasa Baharu dalam Politik Muslim". Dlm. Mohd Izani Mohd Zain (pnyt.) *Demokrasi dan Dunia Islam: Perspektif Teori dan Praktik*, Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Mohd Sabri Md Nor. 2018. "Isu-isu pemerkasaan Islam dalam persaingan politik UMNO dengan PAS". Dalam Amer Saifude Ghazali, Zulkanain Abdul Rahman dan Rosmadi Fauzi, sunt. *Merentasi Sempadan yang Melewati Zaman: Kumpulan Esei Sempena Persaraan Profesor Dato' Dr Mohammad Redzuan Othman*, disunting oleh Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Muhammad Shahrul Shahabudin & Muhamad Nadzri Mohamed Noor. 2022. "Politik dan Pilihan Raya Pakatan Harapan Pasca Sheraton, 2020-2022". *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, Vol. 7, Issue 11. DOI:<https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i11.1935>.
- Muhammad Syukri Salleh. 2000. "Reformasi, Reradikalisasi dan Kebangkitan Islam di Malaysia". *Pemikir Bil*. 20 35-50.
- Muhammad Faiz Mukmin Abdul Mutalib & Wan Fariza Alyati Wan Zakaria. 2015. "Pasca-Islamisme dalam PAS: Analisis Terhadap Kesan Tahalluf Siyasi". *International Journal of Islamic Thought (IJIT)*, 8: 52-60.
- Muhamad Nadzri Mohamed Noor. 2020. "Pilihan Raya dan Politik Malaysia Pasca PRU 2018: Persaingan, Dinamik dan Implikasi". *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, Vol 47(1): 150-175.
- Nigel AW & Zikri Kamarulzaman. 2020. "'Langkah Sheraton' Membawa Malaysia Ke Jalan Buntu: Apa Seterusnya?" *Malaysiakini*, 26 Feb 2020, <https://www.malaysiakini.com/news/512353>, [25 Januari 2023].
- Noorazura Abdul Rahman. 2022. "PRU15: 'Ambil Tindakan Penceramah Hukum Undi BN, Ph Masuk Neraka', *Berita Harian*, 11 November 2022, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/11/1024373/pru15-ambil-tindakan-penceramah-hukum-undi-bn-ph-masuk-neraka> [1 Februari 2023].
- Noorhaidi Hasan. 2012. *Islam Politik di Dunia Kontemporer: Konsep, Genealogi dan Teori*. Yogyakarta: Suka Press.
- Ostwald, Kai. 2013. "How to Win a Lost Election: Malapportionment and Malaysia's 2013 General Election". *Round Table* 102 (6): 521-532.
- Ostwald, Kai, and Steven Oliver. 2020. "Four Arenas: Malaysia's 2018 Election, Reform, and Democratization". *Democratization* 27(4): 662-80.
- Piscatori, J. 2002. *Islam, Islamist and the Electoral Principle in the Middle East*. Leiden: ISIM.
- Ruhan Shahrir. 2022. "PRU15: Memetakan 'Tsunami Hijau' PAS", *The Malaysian Insight*, 24 November 2022, <https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/413610> [18 Januari 2023].

- Shadi Hamid & William Mc Cants. 2017. *Rethinking Political Islam*. New York: Oxford University Press.
- Shah Mohd Akmal & Ashraf Ahmad Hadi. 2020. “Muafakat Nasional dalam Langkah Sheraton: Sebelum, Semasa dan Selepas”. Muhamad Takiyudin Ismail & Suffian Mansor (pnyt.). Dalam *Tujuh Hari Panjang Saga Sheraton*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. DOI: 10.14425/9789674881603.
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. 2023. Stats @PRU Ke-15 Parlimen. [http://sprinfo.spr.gov.my/spr/Infografik/INFOGRAFIK%20STATS%20@PRU%20KE-15%20\(PARLIMEN\).jpg](http://sprinfo.spr.gov.my/spr/Infografik/INFOGRAFIK%20STATS%20@PRU%20KE-15%20(PARLIMEN).jpg).
- Syed Ahmad Hussein. 2014. “Politik Muslim dan demokrasi di Malaysia: Anjakan, pertemuan dan landasan baharu dalam persaingan politik”. Dalam Mohd Izani Mohd Zain, sunt. *Demokrasi dan Dunia Islam: Perspektif Teori dan Praktik*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Tapsell, Ross. 2020. “Malaysia in 2019: A Change of Government without Regime Change”. *Southeast Asian Affairs* 1: 190–208.
- Teoh, Shahnnon. 2019. “Pakatan Slows Reforms To Court Malay Support”, *Straits Times*, 24 Mac 2019 <https://www.straitstimes.com/asia/se-asia/pakatan-slows-reforms-to-court-malay-support>. [17 Januari 2023].
- Teun Pauwels. 2014. *Populism in Western Europe: Comparing Belgium, Germany and the Netherlands*. London and New York: Routledge. Taylor & Francis Group.
- Ufen, A. 2022. “The Downfall of Pakatan Harapan in Malaysia: Coalitions during Transition”. *Asian Survey*, 61(2), 273-296. <https://doi.org/10.1525/as.2021.61.2.273>.
- Wan Rahila Ganti Wan Abdul Ghapar. 2022. “Pengaruh Pendakwah, Selebriti Pro-PAS Tarik Pengundi Sokong PN”, *Berita Harian*, 30 November 2022, <https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2022/11/1033319/pengaruh-pendakwah-selebriti-pro-pas-tarik-pengundi-sokong-pn> [31 Januari 2023].
- Welsh, B. 2022. “Analisis awal pengundian kaum pada PRU15, *Bridget Welsh.com*, 25 November 2022, <https://bridgetwelsh.com/articles/analisis-awal-pengundian-kaum-pada-pru15/> [17 Januari 2023].
- Wong, C-H. 2018. “Constituency Delimitation and Electoral Authoritarianism in Malaysia”. *The Round Table* 107 (1): 67-80.
- Zabidi Mohamed. 1998. *Arqam Tersungkur di Pintu Syurga*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors.